

NO. SOALAN : 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

[JERANTUT]

TARIKH : 31 JULAI 2017 (Isnin)

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semenjak penubukan FELDA pada 1 Julai 1956 telah banyak kejayaan yang dicapai di dalam usaha membangunkan ekonomi peneroka. Apakah usaha jangka masa sederhana dan panjang yang telah dirancang oleh FELDA ke arah kecemerlangan menongkah arus globalisasi.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan bumiputera dan mengurangkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar. Fokus utama FELDA pada peringkat awal adalah meningkatkan pendapatan peneroka supaya mereka mendapat kehidupan yang lebih selesa dan kemudian ia berkembang menjadi antara model pembangunan tanah yang paling berjaya di dunia serta menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi warga luar bandar.

Pada tahun 1990, penyaluran dana kerajaan kepada FELDA telah diberhentikan setelah FELDA mula menjana pendapatannya sendiri melalui pelbagai aktiviti perniagaan dan pelaburan. Bagaimanapun, FELDA masih lagi melaksanakan tanggung jawab sosialnya dalam memberikan kesejahteraan dan kualiti hidup yang baik kepada warga peneroka. Bagi meneruskan agenda ini, FELDA telah menubuhkan beberapa entiti perniagaan utama seperti Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF), Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) sebagai *vehicle* untuk menjana pendapatan bagi melaksanakan program-program sosial kepada 112,635 peneroka seluruh negara.

Pasca kejayaan FELDA mencapai matlamatnya selepas 50 tahun, Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri telah memberi mandat baru kepada FELDA untuk menumpukan kepada pembangunan

generasi baharu FELDA yang dianggarkan melebihi 1 juta orang dan menjadikan Rancangan FELDA sebagai penjana ekonomi (*economic powerhouse*) setempat. Matlamat baru ini merupakan pelan jangka masa panjang kepada pengukuhan ekonomi dan modal insan luar bandar sebagai salah satu agenda kerajaan mensejahterakan rakyat. Justeru, pada tahun 2012, FELDA telah memperkenalkan Pelan Transformasi FELDA sebagai halatuju baru untuk tempoh 50 tahun kedua yang memfokuskan kepada pembangunan generasi baharu FELDA secara holistik.

Dalam mencapai hasrat ini, FELDA telah memperkenalkan pelbagai inisiatif yang menyasarkan generasi baharu seperti Sentuhan Kasih FELDA (SKF), Gedung Makanan Negara (GMN) Koperasi Permodalan Felda 2 Berhad (KPF2), Dana Khas Pelajar Cemerlang, Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) dan Projek Tapak Rumah Mampu Milik FELDA-SPNB. Semua program ini khusus diadakan bagi memberi dorongan kepada generasi baharu untuk tinggal di Rancangan FELDA seterusnya memulakan aktiviti ekonomi secara tersusun, berteknologi dan berskala besar bagi membolehkan satu-satu Rancangan tersebut berupaya menjadi penjana ekonomi yang kesan limpahannya (*spill-over effect*) dapat turut dirasai oleh penduduk kampung berdekatan. Ini merupakan strategi jangka masa panjang yang mapan yang disusun oleh FELDA bagi merancakkan ekonomi di kawasan Rancangan FELDA supaya warga peneroka memperoleh pendapatan tinggi dan boleh berdikari dalam situasi ekonomi global yang kian mencabar.

Sekian, terima kasih.